

Tabung Aids Pediatrik harapan hari esok

B.H m/s CF 29.1.07

INFO

Tabung Aids Pediatrik

Kriteria yang layak mendapat bantuan:

- Positif dijangkiti HIV.
- Terbabit secara tidak langsung: Negatif HIV (ibu atau bapa yang positif HIV atau mati kerana Aids)
- 0 hingga 13 tahun.
- Warga Malaysia.
- Pendapatan sebulan isi keluarga tidak lebih RM1,500 sebulan.

Bantuan yang diberikan:

- Sara hidup kanak-kanak sebanyak RM80 hingga RM100 sebulan untuk keperluan asas seperti makanan, pakaian dan persekolahan.
- Ujian kesihatan untuk membantu memantau tindak balas kanak-kanak terhadap rawatan HIV.
- Kenderaan untuk rawatan HIV.

Cara untuk memohon bantuan:

- Isi borang (ibu bapa atau penjaga).



- Sertakan sijil surat beranak.
- Surat doktor (kanak-kanak positif HIV).
- Surat pekerja sosial (kanak-kanak negatif HIV).
- Nombor Akaun Maybank atau Bank Simpanan Nasional.

Pemantauan:

- Kaji semula selepas enam bulan.
- Laporan perkembangan oleh doktor/pekerja sosial.
- Kaji semula oleh Jawatankuasa Tabung Aids Pediatrik (seperti YAM dan Pakar Pediatrik).

MEMBINA 'Harapan Untuk Hari Esok' adalah matlamat utama dana; The Circle Hope! yang diasaskan oleh Yayasan Aids Malaysia (YAM) pada 2004. Dana itu adalah payung bagi mengumpulkan tiga skim diuruskan oleh YAM untuk kepentingan golongan yang hidup dengan HIV/Aids di Malaysia. Salah satu skim itu ialah Tabung Aids Pediatrik yang dilancarkan pada 1996.

Tabung ini bermatlamat membawa perubahan hidup kepada kanak-kanak yang terba-bit secara langsung mahupun tidak langsung dengan HIV/Aids dengan menyediakan bantuan sokongan kewangan, pendidikan dan perubahan kanak-kanak berkenaan.

Skim itu membelanjakan secara purata RM23,000 setiap bulan atau RM280,000 setahun untuk memenuhi keperluan 519 kanak-kanak. Sehingga 2006 sebanyak RM1,444,000 sudah dibelanjakan bagi tabung itu.